

D915

R B717 BAH
MAHATHIR - AGAMA

KUALA LUMPUR, 15 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MENASIHATI SEKUMPULAN ORANG YANG MENDAKWA KONONNYA SEBAGAI PEMIMPIN AGAMA SUPAYA MENGHENTIKAN SEGERA KEGIATAN MEREKA MEMUNGUT TANDATANGAN ORANG RAMAI UNTUK MEMBANTAH PELAKSANAAN ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM NEGERI SELANGOR.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BELIAU KHUATIR TINDAKAN KUMPULAN ITU LAMA KELAMAAN AKAN MEWUJUDKAN KETEGANGAN SEHINGGA MENCETUSKAN RUSUHAN BERUNSURKAN AGAMA.

+SAYA INGIN MENASIHATI MEREKA SECARA TERBUKA SUPAYA MENGHENTIKAN KEGIATAN MEREKA ITU,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DI LUAR DEWAN RAKYAT KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI GERAKAN KUMPULAN BERKENAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MENDAPAT TAHU MENGENAI KEGIATAN KUMPULAN ITU APABILA ANGGOTA DAP DARI TANJUNG ENCIK LIM KIT SIANG, YANG JUGA KETUA PEMBANGKANG, MENIMBULKAN PERKARA ITU SEMASA PERBAHASAN DI DEWAN ITU SEMALAM.

+SAYA TELAH MENDAPATKAN LAPORAN DAN MEMANG BENAR ADA SATU KUMPULAN YANG MENGAKUI DIRI MEREKA SEBAGAI PEMIMPIN AGAMA TELAH MENJALANKAN USAHA MEMUNGUT TANDATANGAN ORANG RAMAI BERHUBUNG (BANTAHAN) UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR,+ KATANYA. -- LAGI
2119MST 15 03 90

D916

R B718 BAH
MAHATHIR - AGAMA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU JUGA BIMBANG TINDAKAN KUMPULAN ITU UNTUK MEMUNGUT TANDATANGAN MUNGKIN AKAN MENDORONG PIHAK LAIN UNTUK MELAKUKAN PERKARA YANG SERUPA.

+JADI KITA NAK IKUT SIAPA...ADAKAH HENDAK IKUT YANG MEMPUNYAI BILANGAN TANDATANGAN PALING BANYAK?+ TANYA BELIAU.

KATANYA, PANDANGAN BERTENTANGAN KEDUA-DUA PIHAK ITU (YANG BERLAINAN AGAMA) JUGA BOLEH MENJADI ISU YANG MEMBAKAR HATI PENGANUT-PENGANUT AGAMA TERTENTU SEHINGGA MUNGKIN MENCETUSKAN RUSUHAN YANG BERUNSURKAN AGAMA.

JIKA KEADAAN ITU BERLAKU, KUMPULAN YANG BERKENAAN HARUSLAH DIPERSALAHKAN, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SEDANG Mencari jalan menyelesaikan keraguan terhadap ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM NEGERI SELANGOR secara RUNDINGAN DAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN NEGARA. -- BERNAMA
2121MST 15 03 90